

14/04/1997

Syarat umur pelabur ASW dikaji

KUANTAN, Ahad - Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan mengkaji semula syarat umur yang ditetapkan untuk pelabur Amanah Saham Wawasan (ASW) 2020 bagi membolehkan lebih ramai rakyat membeli saham ASW 2020.

Kajian semula itu akan dilakukan selepas pelabur ASW 2020 menerima dividen pertama mereka Ogos ini. Ketika ini, syarat yang ditetapkan untuk menjadi pelabur ASW 2020 ialah rakyat Malaysia berumur antara 12 hingga 29 tahun.

Ketua Eksekutif PNB, Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib, bagaimanapun berkata, syarat itu terlalu ketat dan menjadi punca penjualan saham ASW 2020 kurang mendapat sambutan terutama di kalangan Bumiputera.

Sejumlah 1.6 bilion unit saham ASW 2020 sudah dibeli manakala baki unit yang masih boleh dibeli ialah 1.2 bilion untuk unit Bumiputera dan 240 juta unit untuk bukan Bumiputera.

Beliau yakin corak pembelian unit ASW 2020 sekarang akan berubah selepas Ogos ini jika dividen pertama yang diterima pelabur menguntungkan mereka.

Antara faktor kekurangan sambutan pelabur Bumiputera kepada ASW 2020 ialah mereka mempunyai banyak pilihan seperti Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB).

"PNB sedia mengkaji had umur pelabur ASW 2020 sekarang iaitu antara 12 hingga 29 tahun, kerana syarat itu dikatakan menghalang orang ramai yang berminat melabur dalam ASW 2020.

"Bagaimanapun, kajian itu akan dilakukan selepas PNB menyerahkan dividen pertama ASW 2020 kepada semua pelaburnya Ogos ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Ke-23 Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib (Smart), hari ini.

Di majlis itu, Mohd Hilmey turut melancarkan Hompej dan Permuafakatan Smart. Turut hadir, Pengetua Smart, Abdul Rashid Abdul Samad.

ASW 2020 yang mengandungi saham bernilai RM3 bilion dilancarkan pada 28 Ogos tahun lalu oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mula dijual kepada orang ramai pada 2 September lalu.

PNB memperuntukkan 51 peratus atau RM1.53 bilion kepada Bumiputera manakala 49 peratus atau RM1.47 bilion lagi ditawarkan kepada bukan Bumiputera.

Sebelum ini, Hilmey dilaporkan berkata, jika peruntukan unit Bumiputera tidak dibeli sehingga 1 Mac lalu, selepas enam bulan tarikh unit ASW 2020 dibuka untuk urus niaga, ia akan ditawarkan kepada institusi Bumiputera.

Bagaimanapun, PNB menentukan kriteria tertentu bagi pemilihan institusi Bumiputera yang layak, manakala baki saham ASW 2020 yang dikhaskan untuk bukan Bumiputera akan terus ditawarkan sehingga habis dijual.

(END)